

**Headline** IPT sedia hadapi cabaran global  
**Date** 21. Jul 2008  
**Media Title** Berita Harian  
**Section** Supplement  
**Circulation** 217920  
**Readership** 2083000  
**Language** MALAY  
**Page No** 2  
**Article Size** 357 cm2  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color  
**AdValue** 6321.86



# IPT sedia hadapi cabaran global

Sembilan kemuka permohonan untuk diiktiraf Universiti Apex

**I**NSTITUSI pengajian tinggi Malaysia kini semakin bersedia menghadapi cabaran globalisasi dan berdaya saing memandangkan banyak program lepasan ijazahnya berupaya menarik kehadiran ramai pelajar asing.

Ini disebabkan kualiti pendidikan di negara ini semakin meningkat selain kemudahan disediakan juga setanding dengan institusi pengajian tinggi di negara maju. Berikutan itu, setiap institusi pengajian tinggi di negara ini sentiasa bersaing untuk menampilkan yang terbaik dan berkualiti tidak sekadar bagi menarik minat pelajar tetapi bagi memastikan graduan yang dilahirkan benar-benar berkecayaan.

Justeru, selain universiti awam, institusi pe-

ngajian tinggi swasta (IPTS) juga semakin berkembang pesat di negara dengan menawarkan pelbagai kursus bagi memenuhi keperluan pendidikan negara.

Malah, IPTS kini memainkan peranan besar sekiranya dilihat dari segi nisbah enrolmen pelajar antara IPTA dan IPTS yang hampir seimbang, iaitu mencecah 50:50. Selain itu, banyak IPTS turut melabur berjuta-juta ringgit dalam membangunkan sektor berkenaan, sekali gus memberi peluang pekerjaan yang banyak dan menyediakan peluang pendidikan kepada ramai pelajar. IPTS juga komited ke arah usaha menjana modal insan bagi menjayakan aspirasi negara.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Moha-

med Khaled Nordin, baru-baru ini, berkata kementerian dengan kerjasama semua universiti awam perlu memastikan tahap pengajian tinggi di negara ini bertambah maju dengan meningkatkan daya saingnya untuk menarik pelajar.

Baru-baru ini, sembilan universiti termasuk tujuh institusi pengajian tinggi IPT awam dan dua swasta, memohon untuk dipilih serta diiktiraf sebagai Universiti Apex. (Universiti Apex akan menjadi universiti penanda aras peringkat dunia melalui Program Kece-merlangan Pengajian Tinggi).

Keputusan mengenai universiti mana yang dipilih akan diketahui selepas lewatnya Ogos ini selepas perkara mengenai pemilihan universiti

berkenaan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet.

Sembilan universiti itu termasuk empat universiti penyelidikan yang memohon pengiktirafan sebagai Universiti Apex iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penubuhan Universiti Apex dicadangkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang membahagikan universiti kepada tiga kumpulan iaitu Universiti

Apex, Universiti Elit dan Universiti Kompetitif.

Mohamed Khaled berkata, melalui PSPTN, Universiti Apex dijanjikan autonomi dari segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, kepemimpinan tertinggi dan penetapan yuran pengajian.

Kebebasan juga diberikan kepada Universiti Apex untuk mengambil lebih ramai pensyarah dan pelajar asing bagi membolehkan ia melahirkan penyelidik bertaraf Nobel Laureate.

Universiti itu turut boleh menawarkan syarat perkhidmatan dan gaji yang lebih baik kepada pensyarah dari luar negara supaya ia menjadi lebih kompetitif meskipun ia kekal tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.



**“Keputusan universiti mana yang dipilih akan diketahui selepas lewatnya Ogos selepas perkara mengenai pemilihannya pada mesyuarat Kabinet”**

**Khaled Nordin**  
Menteri Pengajian Tinggi